

05/09/1998

Kelab Ahli Parlimen sokong tindakan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kelab Ahli-Ahli Parlimen Umno hari ini menyokong keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Presiden kelab, Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis berkata, keputusan untuk melantik dan melucut jawatan itu adalah kuasa mutlak Perdana Menteri dan yakin bahawa tindakan itu adalah demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Kami Ahli Parlimen Umno hari ini bersetuju sebulat suara dan percaya Perdana Menteri sudah memikir secara mendalam berdasarkan bukti yang ada sebelum membuat keputusan melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan mesyuarat khas di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Seramai 21 daripada 52 ahli kelab Parlimen Umno hadir pada mesyuarat khas itu.

Bagaimanapun, ahli yang tidak dapat hadir disebabkan tugas lain sudah dihubungi dan menyatakan sokongan masing-masing mengenai keputusan itu.

Beliau yang juga ahli Parlimen Rompin, Pahang berkata, setakat ini beliau belum menerima sebarang keputusan tidak menyokong keputusan itu daripada mana-mana Ahli Parlimen yang dihubungi.

Dr Jamaluddin berkata, antara asas yang menyokong keputusan kelab ialah, Perdana Menteri adalah pemimpin berfikiran jauh dan berpengalaman luas serta kedua-dua unsur itu digunakan sebaiknya dalam membuat keputusan itu.

Menurutnya, beberapa tindakan Dr Mahathir sebelum ini terbukti betul dan berhasil walaupun ada keputusan serta tindakannya dipersoalkan tetapi akhirnya betul seperti tindakan spekulator memainkan mata wang dikecam dunia dan sekarang dunia akhirnya mengakui kebenarannya.

Selain itu, pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-tugas Khas juga dipersoalkan tetapi terbukti beliau dapat membantu memulihkan ekonomi.

(END)